

# HIPOTESIS PROSES PENGIMBUHAN *me(N)*- DAN *menge-* DALAM BAHASA MELAYU STANDARD

*(Hypotheses on the affixation processes of me(N)-  
and menge- of Standard Malay)*

Sato Hirobumi @ Rahmat\*  
satoumbangkok@um.edu.my

Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Malaysia.  
Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Universti Yala Rajabhat, Thailand.

Jamian Mohamad  
jamian@um.edu.my

Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 4 Disember 2020

Sila rujuk: Sato Hirobumi @ Rahmat dan Jamian Mohamad. (2020).  
Hipotesis Proses Pengimbuhan *me(N)* dan *menge-* dalam Bahasa  
Melayu Standard. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 231–266.

## Abstrak

Kajian ini memfokuskan selok-belok pertembungan awalan *me(N)*- dan *pe(N)*- dengan kata dasar dalam bahasa Melayu standard. Sesetengah pengkaji menggunakan idea “pilihan yang sedia ada”, dan sesetengah pengkaji aliran generatif pula menggunakan idea “rumus generatif” untuk menetapkan bentuk *meng-* {mən-} dan *peng-* {pən-} sebagai morfem dasar. Kedua-dua idea tersebut, pada hakikatnya, tidak lari daripada aturan asimilasi daerah artikulasi di sempadan dua morfem. Namun begitu, proses pertembungan dua morfem itu sebenarnya belum diperjelas dari segi fisiologi. Fenomena pertembungan dua morfem diperhatikan sejak abad ke-19 tetapi butir proses pertembungannya tidak diteliti secara saintifik. Rumus generatif yang digunakan ternyata tidak tepat dari segi eksperimen fizik. Artikel ini mengemukakan satu hipotesis terhadap proses

kelahiran bentuk variasi awalan yang berkenaan pada mulanya dari segi fisiologi dan fonetik akustik berkomputer. Pada peringkat kedua, satu lagi bentuk awalan *menge-*, *penge-* atau apitannya *menge-/-kan*, *penge-/-an* dihipotesiskan sebagai bentuk bahasa Melayu yang baharu yang terpengaruh oleh awalan bahasa Sunda *nge(N)-*.

Kata kunci: asimilasi daerah artikulasi, bahasa Sunda, pertembungan dua morfem, pilihan yang sedia ada, rumus generatif, sifat vokal semu.

### **Abstract**

*This study focuses on the intricacies of the collisions of prefixes me(N)- and pe(N)- with root words in standard Malay. Some scholars use the idea of "available existing choice", while others from the generative stream use the idea of "generative rules" with fixing the forms meng- {məN-} and peng- {pəN-} as basic morphemes. Both ideas in fact do not deviate from the rules of assimilation of articulation area at the boundary of two morphemes. However, the intricacies of the collisions of two morphemes have not been clarified physiologically. The phenomenon of the collisions of two morphemes has been observed since the 19th century but the details of the collision process have not been studied scientifically. Evidently, the generative rules in use now are not correct based on the physical experiment. We begin by presenting a hypothesis on the forming processes of the variations of prefixes concerned in terms of physiology and computer-aided acoustic phonetics (ANALYSIS [I] - [VI]). In the second stage, another similar form of affixes, i.e. the prefixes menge-, penge- or the confixes menge-/-kan, penge-/-an are hypothesized as new forms in Malay, influenced by the Sundanese prefix nge(N)- (ANALYSIS [VII]).*

*Keywords: assimilation of the articulation area, Sundanese, the collision of two morphemes, available existing options, generative rules, pseudo-vowel characteristics*

## **PENDAHULUAN**

Kaedah pengimbuhan awalan *me(N)-* dan *pe(N)-* merupakan topik pembelajaran asas bagi bahasa Melayu, dan ada kalanya dianggap tidak bernilai ilmiah dalam kalangan pengkaji.

Kaedah pengimbuhan awalan *me(N)-* dan *pe(N)-* yang menggunakan idea “pilihan yang sedia ada” pada bunyi nasal (*N*) dapat dilihat pada Jadual 1. Jadual yang serupa sudah hampir 100 tahun digunakan secara praktis dalam pembelajaran bahasa Melayu di Jepun sejak awal abad ke-20, seperti dalam Ochi (1923) *Kamus Melayu-Jepun (Nippon)* 『馬日辞典』. Akan tetapi, jadual yang sangat mudah seperti ini tidak pernah ditemui dalam teks yang diterbitkan di negara rantau Melayu.

Satu lagi idea awalan *meng-* {məŋ-} dan *peng-* {pəŋ-} yang dikemukakan oleh ahli bahasa aliran generatif sudah lama dikatakan dapat memperjelas segala kemunculan variasi morfonem *-ng /-ŋ/*, berdasarkan idea “rumus generatif”. Sejak tahun 1970-an kaedah ini digunakan secara dominan di dunia Melayu. Namun begitu, kaedah berwajah matematik ini rupa-rupanya mengandungi masalah yang tidak dapat disahkan kebenarannya dari segi eksperimen fizik.

Kajian ini menggunakan perisian komputer SFS (*Sound Filing System*) dan WS (*Wave Surfer*) yang mempunyai kegunaan masing-masing.<sup>1</sup> Transkripsi fonetik dan fonologi terhadap contoh kata menggunakan Lambang Fonetik Antarabangsa IPA (*International Phonetic Alphabet*) versi 2020. Contoh petikan bahasa Melayu, pada dasarnya, dieja dengan ejaan moden.<sup>2</sup>

## MASALAH KAJIAN

Kajian awal pengimbuhan awalan berkenaan disebut dalam bentuk “*me- + nasal*” sejak abad ke-19, seperti Hollander (1882, pp. 55–59) dan Winstedt (1913, p. 17; pp. 74–75; pp. 88–89). Jadual 1 yang digunakan di Jepun mengemaskan keterangan karya tersebut, manakala idea rumus generatif pula diperkenalkan di dunia Melayu sejak tahun 1970-an.

Kaedah pengimbuhan awalan *me(N)-* dan *pe(N)-* yang didasarkan pada idea “sistem pilihan yang sedia ada” dapat dilihat dalam Jadual 1 yang mengemaskan keterangan kajian awal tersebut. Kaedah pengimbuhan yang didasarkan pada idea “rumus generatif” pula memilih bentuk *meng-* {məŋ-} dan *peng-* {pəŋ-} sebagai morfem dasar awalan ini, dan morfonem *-ng/-ŋ/* dianggap akan menggeneratiskan alomorf/alofonnya, sesuai dengan bunyi awal kata dasar.

Pertembungan *N* yang merupakan wakil konsonan nasal dengan konsonan letupan atau konsonan geseran yang hadir pada awal kata dasar, seperti bentuk *mem(p)-*, *memb-*; *men(t)-*, *mend-*; *meng(k)-*, *mengg-*; dan *meny(s)-*, *meny(sy)-* dapat dilihat pada Jadual 1 dari sudut asimilasi daerah

**Jadual 1** Variasi awalan *me(N)-* dan *pe(N)-*.

Awalan <i>me(N)-</i> dan <i>pe(N)-</i>					
Kata dasar bermula dengan	<b>me- pe-</b>	<b>mem- pem-</b>	<b>men- pen-</b>	<b>meng- peng-</b>	<b>meny- penyi-</b>
	m-	(p)-	(t)-	(k)-	(s)-
	n-	b-	d-	g-	(sy)-
	ng-		c-	h-	
	ny-		j-	kh-	
	l-			a-	
	r-		s-	e- <é, è>	
	w-		z-	e- <ë>	
	y-		sy-	i-	
				o-	
			u-		

Nota: (1) Bunyi awal kata dasar dieja dengan grafem Rumi/Latin.  
 (2) Grafem dalam tanda kurang ( ) dianggap lenyap atau digugurkan apabila digabungkan dengan awalan.  
 (3) Kekecualian yang menyimpang dari peraturan ini juga wujud.

artikulasi. Timbul satu soalan mengapakah konsonan letupan tak-bersuara *p*, *t*, *k*, dan konsonan geseran tak-bersuara *s*, *sy* yang hadir pada awal kata dasar sahaja perlu dilenyapkan atau digugurkan dalam pertembungan? Soalan yang sama ditujukan kepada pengkaji aliran generatif. Namun begitu, kebanyakan pengkaji memberi jawapan yang serupa: “Bunyi letupan *p*, *t*, *k* dan bunyi geseran *s*, *sy* merupakan konsonan tak-bersuara”.

Satu percanggahan yang amat sederhana dapat dilihat pada bentuk variasi *men-* atau *pen-*. Apabila bentuk variasi ini bertembung dengan konsonan letusan artikulasi gandaan (*double articulation*), mengapakah konsonan letusan tak-bersuara *c* /tʃ/ tetap dikekalkan? Fenomena ini tidak berbeza dengan fonomena konsonan letusan bersuara *j* /dʒ/. Konsonan geseran tak-bersuara *kh* /x/ dan *h* /h/ yang hadir pada awal kata dasar juga dikekalkan apabila bertembung dengan bentuk variasi *meng-* atau *peng-*. Mengapakah konsonan geseran tak-bersuara ini tidak wajib dilenyapkan atau digugurkan?

Akhir sekali, dapatkah awalan *me(N)-* dan *pe(N)-* dikaitkan dengan bentuk awalan *menge-* dan *penge-* yang diimbuhkan pada kata dasar yang

terdiri dari ekasuku kata (suku kata tunggal) dari segi fonologi? Bentuk suku kata ini mempengaruhi bentuk awalan?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Eksperimen kajian ini dijalankan terhadap pertuturan bahasa Melayu standard dan data rakaman ini dianalisis dengan kaedah fonetik akustik berkomputer.

### **Data Kajian**

Analisis fonetik akustik berkomputer ini dijalankan terhadap 100 data rakaman yang dikumpulkan daripada 10 orang subjek penutur jati bahasa Melayu di Malaysia dan 10 orang subjek penutur jati bahasa Indonesia yang masing-masingnya dalam lingkungan umur 20-an. Kesemua 20 orang subjek ini tidak pernah mempelajari ilmu fonetik pada peringkat universiti. Dengan syarat ini, sebarang prasangka dapat dielakkan semasa eksperimen fonetik dijalankan.

## **KAJIAN LEPAS YANG BERKAITAN**

Proses pengimbuhan awalan *me(N)*- sudah lama dibincangkan oleh ahli-ahli bahasa. Idea “rumus generatif” digunakan secara domain sejak tahun 1970-an.

Dalam pada itu, Zaharani (1993–1994) membincangkan wujudnya percanggahan dan kekeliruan penyebaran varian *meng-* dan *menge-* bagi perkataan yang mempunyai satu suku kata dalam bahasa Melayu. Antara contoh kata terbitan yang disenaraikan ialah kata *menghadkan* / *menghadkan*, *mengekhaskan* / *mengkhaskan*, dan *menggamkan* / *menggamkan*. Timbulnya kepelbagaian varian tersebut, menurut Zaharani (2005), menyebabkan pengkaji bahasa cenderung untuk memilih satu varian sahaja sebagai bentuk yang tepat dan standard, manakala varian yang lain itu dianggap sebagai bentuk yang salah dan tidak gramatis. Walaupun penggunaan setiap varian tersebut tidak sama dalam masyarakat kita, tetapi varian itu wujud dalam data korpus bahasa Melayu.

### **Keterangan Analisis Fonetik Akustik Berkomputer**

Keterangan ini didapati dalam artikel Sato dan Manavavee (2018, pp. 126–129).

**CATATAN AWAL**

Kerasionalan bentuk wakil *me(N)-* dan *pe(N)-* perlu ditekankan secara logik. Lambang *N* mewakili bunyi nasal, manakala tanda kurung ( ) pula bermaksud bunyi nasal dalam tanda ini dapat hadir atau dapat tidak hadir dalam sesuatu bentuk variasi, seperti yang disimpulkan berikut:

**Jadual 2** Bentuk wakil dan variasi awalan.

Bentuk wakil <i>me-</i> :	variasi <i>me-</i> , <del><i>meN-</i></del> , <del><i>men-</i></del> , <del><i>meng-</i></del> , <del><i>meny-</i></del>
Bentuk wakil <i>meN-</i> :	variasi <del><i>me-</i></del> , <i>mem-</i> , <i>men-</i> , <i>meng-</i> , <i>meny-</i>
Bentuk wakil <i>me(N)-</i> :	variasi <i>me-</i> , <i>mem-</i> , <i>men-</i> , <i>meng-</i> , <i>meny-</i>

Seandainya lambang *N* tidak digunakan seperti bentuk wakil *me-* pada barisan pertama Jadual 2, bentuk variasi *mem-*, *men-*, *meng-*, dan *meny-* tidak akan dapat diwujudkan secara logik. Begitu juga jika tanda kurung ( ) dihapuskan seperti pada barisan kedua Jadual 2, bentuk awalan ini selalu wajib membawa bunyi nasal yang nyata sehingga bentuk variasi *me-* tidak dapat diwujudkan secara logik, iaitu \**merokok* (< rokok). Oleh hal yang demikian, bentuk *me(N)-* patut dikira sebagai bentuk wakil awalan ini. Hal-hal yang serupa dengan Jadual 2 dapat diaplikasikan kepada awalan *pe(N)-* dan juga apitan *pe(N)-/an*.

Selanjutnya, Jadual 1 yang diperkenalkan pada bahagian **Masalah Kajian** diubah suai dengan nombor baharu, iaitu Jadual 3 untuk melancarkan perbincangan dalam bahagian yang seterusnya.

Apabila awalan *me(N)-* bertembung dengan kata terbitan berimbuhan, maka aturan pengguguran konsonan tak-bersuara pada Jadual 3 tidak dapat digunakan pada sempadan dua morfem: kata *mempertahankan* (< kata dasar sekunder *pertahankan* < kata dasar primer *tahan*) dan *menterbalikkan* (< kata dasar tertier *terbalikkan* < kata dasar sekunder *terbalik* < kata dasar primer *balik*).

Berhubung dengan penggolongan imbuhan, satu keterangan ringkas disediakan untuk membetulkan salah faham. Imbuhan *me(N)-/i*, *me(N)-/kan*, *menge-/i*, misalnya, tidak membentuk apitan. Sebaliknya, imbuhan-imbuhan ini berfungsi sebagai awalan *me(N)-* dan akhiran *-kan* (atau *-i*) atau apitan *ke-/i* masing-masing. Oleh hal yang demikian, kata kerja *me-*

**Jadual 3** Variasi awalan *me(N)-* dan *pe(N)-*.

Awalan <i>me(N)-</i> dan <i>pe(N)-</i>					
Kata dasar bermula dengan	me-pe-	mem-pem-	men-pen-	meng-peng-	meny-penyi-
	m-	(p)-	(t)-	(k)-	(s)-
	n-	b-	d-	g-	(sy)-
	ng-		c-	h-	
	ny-		j-	kh-	
	l-			a-	
	r-		s-	e- <é,ê>	
	w-		z-	e- <ë >	
	y-		sy-	i-	
				o-	
			u-		

*lepaskan* (< *lepaskan* < *lepas*) dan *mengetahui* (< *ketahui* < *tahu*), misalnya, sepatutnya dihuraikan seperti:

- (i) Kamu *harus melepaskan* burung ini sekarang.  
 → *Lepaskan(-lah)* burung ini sekarang. [awalan *me(N)-* dan akhiran *-kan*]
- (ii) Gadis itu mesti *mengetahui* kisah kelahirannya.  
 → *Ketahui(-lah)* kisah kelahirannya. [awalan *me(N)-* dan apitan *ke-/-i*]

**ANALISIS (I): Awalan *me(N)-* Bertembung dengan Konsonan Nasal**

Bentuk variasi *me-* /mə-/ dan *pe-* /pə-/ yang bertembung dengan konsonan *m-* /m-/ , *n-* /n-/ , *ng-* /ŋ-/ , atau *ny-* /n<sup>j</sup>-/ yang hadir pada awal kata dasar itu dapat diertikan secara sederhana, dari segi penghindaran pertembungan dua bunyi nasal yang sama di sempadan dua morfem yang berkenaan.<sup>3</sup>

*mm-	/mm-/	:* <i>memmiliki</i>	tetapi	<i>memiliki</i>
*nn-	/nn-/	:* <i>mennantikan</i>	tetapi	<i>menantikan</i>
*ngng-	/ŋŋ-/	:* <i>mengnganga</i>	tetapi	<i>menganga</i>
*nyny-	/n <sup>j</sup> n <sup>j</sup> -/	:* <i>menyynyanyikan</i>	tetapi	<i>menyanyikan</i>

Proses pemilihan bentuk variasi awalan ini dapat ditulis, berdasarkan idea “pilihan yang sedia ada” yang tersenarai pada Jadual 3.


- [1] (a) me(N) - + **masuk**-i → me-**masuk**i → memasuki  
 (b) pe(N) - + **milik** → pe-**milik** → pemilik
- [2] (a) me(N) - + **nasihat**-i → me-**nasihati** → menasihati  
 (b) pe(N) - + **nama** → pe-**nama** → penama
- [3] (a) me(N) - + **ngeri**-kan → me-**ngirikan** → mengerikan  
 (b) pe(N) - + **ngayau** → pe-**ngayau** → pengayau
- [4] (a) me(N) - + **nyanyi**-kan → me-**nyanyikan** → menyanyikan  
 (b) pe(N) - + **nyata** → pe-**nyata** → nyata

Dalam pada itu, rumus generatif yang dikenakan terhadap morfonem *-ng /-ŋ/* dalam morfem dasar *meng-* {*məŋ-*} /*məŋ-*/ dan *peng-* {*pəŋ-*} /*pəŋ-*/ dapat dilihat pada senarai berikut:

- [5] (a) **meng-** /*məŋ-*/ + **m-** /*m-*/ → **me-** /*mə-*/ (*memasuki* < *masuk-i*)  
 (b) **peng-** /*pəŋ-*/ + **m-** /*m-*/ → **pe-** /*pə-*/ (*pemilik* < *milik*)
- [6] (a) **meng-** /*məŋ-*/ + **n-** /*n-*/ → **me-** /*mə-*/ (*menasihati* < *nasihat-i*)  
 (b) **peng-** /*pəŋ-*/ + **n-** /*n-*/ → **pe-** /*pə-*/ (*penama* < *nama*)
- [7] (a) **meng-** /*məŋ-*/ + **ng-** /*ŋ-*/ → **me-** /*mə-*/ (*mengerikan* < *ngeri-kan*)  
 (b) **peng-** /*pəŋ-*/ + **ng-** /*ŋ-*/ → **pe-** /*pə-*/ (*pengayau* < *ngayau*)
- [8] (a) **meng-** /*məŋ-*/ + **ny-** /*n<sup>i</sup>-*/ → **me-** /*mə-*/ (*menyanyikan* < *nyanyi-kan*)  
 (b) **peng-** /*pəŋ-*/ + **ny-** /*n<sup>i</sup>-*/ → **pe-** /*pə-*/ (*penyata* < *nyata*)<sup>4</sup>

Rumus generatif [5] – [8] seolah-olah menggambarkan reaksi kimia daripada dua bunyi yang dicampurkan dalam sebiji gelas kaca. Namun begitu, rumus yang nampaknya teratur ini ternyata tidak menyampaikan informasi yang tepat dari segi eksperimen fizik. Maksudnya, apabila bentuk gelombang bunyi nasal *-ng /-ŋ/* digabungkan dengan gelombang bunyi nasal, seperti yang digambarkan pada Rajah 1, morfonem *-ng /-ŋ/* tidak berubah menjadi kosong seperti rumus [5] – [8], iaitu */-ŋ/ → /Ø/* (kosong) tidak berlaku di sempadan dua morfem.





Rajah 1 Eksperimen fizik menghasilkan bunyi sintesis yang baharu.<sup>5</sup>

**Eksperimen fizik:**

- Hasil eksperimen fizik telah membuktikan bahawa morfonem bunyi nasal *-ng /-ŋ/* yang bertembung dengan konsonan tak-bersuara */m-/*, */n-/*, */ŋ-/* atau */n<sup>i</sup>-/* tidak menghasilkan bunyi */Ø/* (kosong).
- Hal ini juga bermakna bahawa rumus generatif [5] – [8] itu menyampaikan informasi yang tidak tepat kepada pengkaji bahasa Melayu dari segi fizik.

**ANALISIS (II): Awalan *me(N)-* Bertembung dengan Konsonan */l, r, w, j/***

Analisis awalan *me(N)-* dan *pe(N)-* dalam ANALISIS (I) masih belum menjawab persoalan pertembungan bentuk variasi *me-* atau *pe-* dengan konsonan *l- /l-/*, *r- /r-/*, *w- /w-/* dan *y- /j-/* yang hadir pada awal kata dasar. Dalam hal ini, rumus generatif tidak memberikan sebab kepada persoalan mengapakah morfonem bunyi nasal *-ng /-ŋ/* dalam morfem dasar *meng-* {*məŋ-*} */məŋ-/* dan *peng-* {*pəŋ-*} */pəŋ-/* dapat digeneratifkan menjadi kosong dari segi asimilasi bunyi fizik, iaitu */-ŋ/* → */Ø/* (kosong) berlaku di sempadan dua morfem?


Eksperimen fizik yang dijalankan terhadap pertembungan dua bunyi berkenaan ternyata tidak menghasilkan bunyi */Ø/* (kosong) dari segi fizik. Fenomena ini menarik perhatian kerana tidak terdapat sebarang faktor

artikulasi yang menyebabkan asimilasi daerah artikulasi antara awalan *me-* atau *pe-* dengan empat konsonan yang berkenaan dari segi fonetik:


- [9] (a) *me(N) - + lebar-kan* → *me-lebar-kan* → *melebar-kan*  
 (b) *pe(N) - + layan* → *pe-layan* → *pelayan*
- [10] (a) *me(N) - + rokok* → *me-rokok* → *merokok*  
 (b) *pe(N) - + rasa* → *pe-rasa* → *perasa*
- [11] (a) *me(N) - + wajib-kan* → *me-wajib-kan* → *mewajib-kan*  
 (b) *pe(N) - + warna* → *pe-warna* → *pewarna*
- [12] (a) *me(N) - + yakin-i* → *me-yakini* → *meyakini*  
 (b) *pe(N) - + yakin-an* → *pe-yakinan* → *peyakinan*

Dari segi cara artikulasi, bunyi sisian *l* /l/, bunyi getaran *r* /r/ dan bunyi hampiran *w* /w/ serta *y* /j/ digolongkan dalam golongan konsonan dalam sistem IPA. Hal ini demikian kerana arus udara yang dihembuskan keluar melalui glotis untuk menghasilkan empat konsonan ini mendapat gangguan di suatu bahagian dalam rongga mulut.

Namun begitu, hasil analisis akustik berkomputer terhadap semua data rakaman menunjukkan bahawa keempat-empat konsonan tersebut memperlihatkan “sifat vokal semu” pada surihan gegaran gelombang bunyi yang rendah dari segi akustik bunyi. Konsonan sisian *l* /l/ dan



Rajah 2 Konsonan sisian bersuara *l* [l] dalam kata *meluaskan* [mɛluaskan].



**Rajah 3** Konsonan hampiran bersuara *w* [w] dalam kata *mewajibkan* [məwəʒɨpˈkan].

konsonan hampiran *w* /w/, misalnya, seperti contoh pada Rajah 2 dan Rajah 6 masing-masing.

Ciri akustik daripada konsonan sisian bersuara *l* /l/ (Rajah 1) dan konsonan hampiran bersuara *w* /w/ (Rajah 2) dapat dilihat pada surihan gegaran gelombang bunyi yang rendah dan surihan penyuaran bunyi yang tinggi. Surihan kitaran asas F0 juga menandakan bahawa getaran pita suara tercatat pada masa artikulasi konsonan yang berkenaan. Ketiga-tiga ciri ini mengatakan bunyi sisian *l* /l/ dan bunyi hampiran *w* /w/ bersifat “vokal bersuara semu”.

Oleh sebab keempat-empat bunyi *l* /l/, *r* /r/, *w* /w/, dan *y* /j/ ini bersifat vokal bersuara semu dari segi akustik, maka tidak salah jika awalan *me(N)*- dan *pe(N)*- diwujudkan dalam bentuk variasi *meng-* dan *peng-* (konsonan nasal *-ng* /-ŋ/), sama seperti bagi bunyi *h* /h/ (lihat ANALISIS [VI]). Maksudnya, empat bunyi ini dapat disenaraikan bersama-sama pada barisan vokal dalam Jadual 3. Namun begitu, bahasa Melayu standard terkini tidak menggunakan aturan yang sedemikian:

*meng- <b>l</b>	:	*menglebar <b>kan</b>	=> melebar <b>kan</b> .
*peng- <b>l</b>	:	*pengelebar <b>an</b>	=> pelebar <b>an</b> .
*meng- <b>r</b>	:	*mengrob <b>ohkan</b>	=> merob <b>ohkan</b> .
*peng- <b>r</b>	:	*pengrob <b>oh</b>	=> perob <b>oh</b> .
*meng- <b>w</b>	:	*mengwak <b>ili</b>	=> mewak <b>ili</b> .
*peng- <b>w</b>	:	*pengwak <b>ilan</b>	=> pewak <b>ilan</b> .

*meng-y	:	*mengyakinkan	=>	meyakinkan.
*peng-y	:	*pengyakin	=>	peyakin.

Sementara itu, seorang pengkaji bahasa Melayu dari negara Belanda yang aktif pada abad ke-19, Hollander (1882, p. 55) telah mencatatkan bentuk variasi *meng-* yang bertembung dengan kata dasar, yang bermula dengan bunyi *l-*, bunyi *r-*, *w-* dan *y-* dalam satu daripada dialek bahasa Melayu di Sumatera, iaitu kata *menglihat*, *mengwaris(-i/-kan)* dan *mengyatimkan*. Cuma kata dasar yang bermula dengan bunyi *r-* tidak beliau berikan contoh. Tiga contoh yang diberikan dapat dihuraikan seperti di bawah:

[13] me(N) - + lihat	→	meng-lihat	→	menglihat
[14] me(N) - + waris(-i/kan)	→	meng-waris(-i/-kan)	→	mengwaris(-i/-kan)
[15] me(N) - + yatim-kan	→	meng-yatimkan	→	mengyatimkan

Bentuk variasi *meng-* yang diperkenalkan pada [13] – [15] kini sudah tidak dianggap sebagai bentuk bahasa Melayu standard, tetapi kata terbitannya seperti itu pernah dirakamkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1980-an. Dalam *Kamus Bahasa Malaysia Edisi Pelajar* (1984), misalnya, terdapat kata *mengwahyukan* yang kini dieja sebagai *mewahyukan* dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015).

Bentuk kata terbitan yang terbatas jumlahnya seperti *penglibatan* (: melibatkan), *penglihatan* (: melihat), dan *penglipur* (: melipur) juga masih digunakan sebagai bentuk bahasa Melayu standard pada abad ke-21 ini. Namun begitu, kedua-dua bentuk variasi *meng-* dan *peng-* tersebut kini diajarkan sebagai bentuk kekecualian yang menyimpang daripada aturan bahasa Melayu standard dalam pendidikan negara.

Keempat-empat bunyi *l-*, *r-*, *w-*, dan *y-* tersebut bersifat “vokal semu” dari segi akustik, tetapi digolongkan dalam konsonan dari segi artikulasi. Seandainya bentuk variasi *me-* atau *pe-* yang bertembung dengan bunyi *l-*, *r-*, *w-*, dan *y-* itu merupakan hasil perkembangan baharu dalam sejarah bahasa Melayu, maka tidak salah jika dihipotesiskan bahawa keempat-empat bunyi ini sudah menjauhi “sifat vokal semu”, seperti yang dilakarkan pada Jadual 4. Dengan kata lain, sekumpulan bentuk variasi *meng-* atau *peng-* yang terdapat dalam kata *penglibatan*, *penglihatan*, *pengrebutan*, *pengwujudan*, *mengwahyukan* dan *mengyatimkan* masih bertahan sebagai peninggalan pada barisan *meng-* dan *peng-*.

**Jadual 4** Bunyi *l-*, *r-*, *w-*, dan *y-* diandaikan menjauhi sifat vokal semu.

**Sebahagian Variasi Awalan *me(N)-* dan *pe(N)-***

	<b>me- pe-</b>		<b>meng- peng-</b>	
<b>Kata dasar bermula dengan</b>	m-		a-	
	n-		e- < é, è >	
	ng-		e- < ě >	
	ny-		i-	
	l-		o-	
	r-	←	u-	
	w-		h-	
	y-		kh-	
	<b>Contoh:</b>			
	menglihat	-- penglihatan	-- melihat	
pengrebutan	-- perebutan	-- merebut		
pengwujudan	-- pewujudan	-- mewujudkan		
mengyatimkan		-- meyatimkan		

### ANALISIS (III): Awalan *me(N)-* Bertembung dengan Konsonan Letupan atau Geseran

Pertembungan awalan *me(N)-* dengan bunyi letupan atau bunyi geseran yang hadir pada awal kata dasar dapat dilihat dalam pasangan *mem(p)-* : *memb-*; *men(t)-* : *mend-*; *meng(k)-* : *mengg-*; dan bentuk *meny(s)-* serta *meny(sy)-*, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3. Jika didasarkan pada rumus generatif, morfonem bunyi nasal *-ng /-ŋ/* dalam awalan *meng-* {*məŋ-*} dan *peng-* {*pəŋ-*} berasimilasi dengan bunyi konsonan yang hadir pada awal kata dasar, seperti yang ditunjukkan pada contoh [24] – [28] nanti.

Kombinasi dua bunyi yang berurutan tersebut, pada dasarnya, diperjelas dari segi asimilasi daerah artikulasi antara dua bunyi yang


berkenaan, iaitu tiap-tiap pasangan bunyi dua bibir /m(p)/ – /mb/, bunyi gusi /n(t)/ – /nd/, bunyi langit-lembut /ŋ(k)/ – /ŋg/; dan bunyi gusi ~ belakang-gusi ~ gusi-langit /n<sup>i</sup>(s)/ dan /n<sup>i</sup>(j)/.

Sesetengah kata terbitan nampaknya menyimpang daripada Jadual 3, disebabkan oleh arus perkembangan bahasa Melayu. Misalnya, konsonan letupan tak-bersuara *p-* /p-/ tidak digugurkan dalam kata *mempunyai* (< me(N)- + punya + -i) kerana kata terbitan ini, pada asalnya, terbentuk daripada unsur **m+empu+nya+i** (Skr., Jawa, *mpu, empu*).


Dalam pada itu, perlu ditekankan satu soalan yang belum pernah dijawab, berhubung dengan satu fenomena bahasa: “Mengapakah hanya konsonan letupan tak-bersuara *p-* /p-/, *t-* /t-/, *k-* /k-/ dan konsonan geseran tak-bersuara *s-* /s-/, *sy-* /j-/ sahaja wajib dilenyapkan atau digugurkan dalam pertembungan awalan *me(N)-* atau *pe(N)-*” ? Dengan perkataan lain, mengapakah morfonem *-ng* /-ŋ/ dapat menelan lima konsonan tak-bersuara yang berkenaan sahaja tetapi tidak dapat menelan konsonan lain?

- |                  |             |                   |               |
|------------------|-------------|-------------------|---------------|
| [16] (a) me(N) - | + panah     | → mem-(p) anah    | → memanah     |
| (b) pe(N) -      | + periksa   | → pem-(p)eriksa   | → pemeriksa   |
| [17] (a) me(N) - | + bayar     | → mem-bayar       | → membayar    |
| (b) pe(N) -      | + bayar     | → pem-bayar       | → pembayar    |
| [18] (a) me(N) - | + tanam     | → men-(t)anam     | → menanam     |
| (b) pe(N) -      | + terima    | → pen-(t)erima    | → penerima    |
| [19] (a) me(N) - | + derhaka   | → men-derhaka     | → menderhaka  |
| (b) pe(N) -      | + derhaka   | → pen-derhaka     | → penderhaka  |
| [20] (a) me(N) - | + kotor-kan | → meng-(k)otorkan | → mengotorkan |
| (b) pe(N) -      | + kotor     | → peng-(k)otor    | → pengotor    |
| [21] (a) me(N) - | + goda      | → meng-goda       | → menggoda    |
| (b) pe(N) -      | + goda      | → peng-goda       | → penggoda    |
| [22] (a) me(N) - | + suruh     | → meny-(s)uruh    | → menyuruh    |
| (b) pe(N) -      | + suruh     | → peny-(s)uruh    | → penyuruh    |
| [23] (a) me(N) - | + syair-kan | → meny-(sy)airkan | → menyairkan  |
| (b) pe(N) -      | + syair     | → peny-(sy)air    | → penyair     |


Apakah ciri fonetik konsonan berkenaan yang menyebabkan perbezaan artikulasi antara bunyi tak-bersuara dengan bunyi bersuara yang berkenaan? Yang berikut ini dipetik gambaran fonasi, iaitu pergerakan pita suara dan perubahan keluasan glotis yang berkaitan dengan artikulasi bunyi bahasa manusia secara umum. Gambaran ini dihasilkan melalui eksperimen fisiologi yang dijalankan secara saintifik.



Rajah 4 Keadaan pita suara dan keluasan glotis.<sup>6</sup>



Rajah 5(a) Urutan keluasan glotis.<sup>7</sup>




Rajah 5 (b) Getaran pita suara berdasarkan keluasan glotis.<sup>8</sup>

Bunyi tak-bersuara (Rajah 5, no. 2) merangkumi kedua-dua vokal dan juga konsonan yang dihasilkan oleh arus udara yang dihembuskan keluar melalui glotis yang terbuka. Bunyi bersuara (Rajah 5, no. 5) pula merangkumi kedua-dua vokal dan juga konsonan yang dihasilkan oleh arus udara yang dihembuskan keluar melalui glotis yang tertutup. Maksudnya, glotis yang terbuka menyebabkan pita suara hampir tidak bergetar dibandingkan dengan glotis yang tertutup yang menyebabkan pita suara bergetar dengan lebih kuat dari segi fisiologi.

Satu hipotesis pertembungan awalan *me(N)-* atau *pe(N)-* dengan konsonan awal kata dasar dilakarkan pada Rajah 6 dan Rajah 7, berdasarkan perbezaan keluasan glotis dan getaran pita suara pada masa fonasi.

Pada Rajah 6 dilakarkan satu gambaran pertembungan morfonem




**Rajah 6** Pertembungan dua konsonan *-mb-* [-mb-].

konsonan nasal bersuara *-m* /-m/ dengan konsonan letupan bersuara *b-* /b-/, seperti pada kata *membayar* /məmbajar/. Saluran suara pada masa artikulasi kombinasi konsonan *-mb-* /-mb-/ terus tertutup. Glotis juga tertutup sehingga pita suara dapat bergetar dengan kuat disebabkan oleh hembusan udara yang keluar melalui glotis yang tertutup itu. Maksudnya, proses fonasi *-mb-* /-mb-/ berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan berlebihan yang disebabkan oleh perubahan keadaan organ artikulasi.

Sebaliknya, apabila morfonem *-m* /-m/ bertembung dengan konsonan letupan tak-bersuara *p-* /p-/ (lihat Rajah 10 [bahagian atas]), seperti dalam kata *\*mempanah* (< panah) *\*/məmpanah/*, saluran suara terus tertutup pada masa artikulasi kombinasi konsonan *-mp-* /-mp-/. Glotis yang tertutup pada masa artikulasi konsonan bersuara *-m* /-m/ itu akan





**Rajah 7** Pertembungan dua konsonan  $-m(p)-$   $[-m(p)-]$ .

terbuka pada masa artikulasi konsonan tak-bersuara  $p-$  /p/, sehingga pita suara hampir tidak bergetar. Maksudnya, proses fonasi  $-mp-$  /-mp-/ akan berubah dari segi fisiologi, dan memerlukan tenaga organ artikulasi yang berlebihan. Proses ini melanggar prinsip kehematan bahasa.

Oleh hal yang demikian, jika konsonan letupan tak-bersuara  $p-$  /p-/ dilenyapkan atau digugurkan dalam artikulasi kata, proses fonasi akan berjalan dengan lancar seperti yang dilakarkan pada Rajah 10 (bahagian bawah): kata *memanah* (< panah) /məmanah/. Proses fonasi yang sedemikian dapat dihipotesiskan pada semua kombinasi konsonan menurut idea “pilihan yang sedia ada”:  $m(p)$  /m(p)/ –  $mb$  /mb/;  $n(t)$  /n(t)/ –  $nd$  /nd/;  $ng(k)$  /ŋ(k)/ –  $ngg$  /ŋg/; dan  $ny(s)$  /n<sup>i</sup>(s)/ serta  $ny(sy)$  /n<sup>i</sup>(ʃ)/.

Dalam pada itu, rumus generatif yang digunakan oleh sesetengah pengkaji dapat dilihat seperti yang berikut:

- [24] (a) **meng-** /məN-/ + **p-** /p-/ → **mem-** /məm-/ (*memukul* < *pukul*)  
 (b) **peng-** /məN-/ + **b-** /b-/ → **pemb-** /pəmb-/ (*pembaca* < *baca*)
- [25] (a) **meng-** /məN-/ + **t-** /t-/ → **men-** /mən-/ (*menerima* < *terima*)  
 (b) **peng-** /məN-/ + **d-** /d-/ → **pend-** /mənd-/ (*pendapat* < *dapat*)
- [26] (a) **meng-** /məN-/ + **k-** /k-/ → **meng-** /məŋ-/ (*mengupas* < *kupas*)  
 (b) **peng-** /məN-/ + **g-** /g-/ → **pengg-** /pəŋg-/ (*penggali* < *gali*)
- [27] (a) **meng-** /məN-/ + **s-** /s-/ → **meny-** /məŋ<sup>i</sup>/ (*menyurat* < *surat*)
- [28] (a) **meng-** /məN-/ + **sy-** /ʃ-/ → **meny-** /məŋ<sup>i</sup>/ (*menyukuri* < *syukur-i*)  
 atau → **mensy-** /məŋ<sup>i</sup>-/ (*mensyukuri* < *syukur-i*)

- Eksperimen fizik telah membuktikan bahawa bunyi nasal –ng /-ŋ/ yang bertembung dengan konsonan tak-bersuara /p-/ , /t-/ , /k-/ , /s-/ atau /ʃ-/ tidak menghasilkan konsonan /m/ , /n/ atau /ŋ/ masing-masing dari segi fizik.
- Hal ini juga bermakna bahawa rumus generatif [24] – [28] itu menyampaikan informasi yang tidak tepat kepada pengkaji bahasa Melayu dari segi fizik.

#### ANALISIS (IV): Awalan *me(N)-* Bertembung dengan Konsonan Letusan


Apabila bunyi nasal *-n* /-n/ bertembung dengan konsonan letusan tak-bersuara *c-* /tʃ-/ , konsonan letusan ini tidak dilenyapkan atau digugurkan dalam bahasa Melayu standard, seperti yang dapat dilihat pada kata *menceritakan*, *pencerita*; dan *mencintai*, *pencinta*. Fenomena ini bertentangan dengan pola pasangan konsonan letupan yang dianalisis pada ANALISIS (III) .

- [29] (a) *me(N) - + cinta-i* → **men-***cintai* → *mencintai*  
 (b) *pe(N) - + cinta* → **pen-***cinta* → *pencinta*
- [30] (a) *me(N) - + cari* → **men-***cari* → *mencari*  
 (b) *pe(N) - + cari* → **pen-***cari* → *pencari*
- [31] (a) *me(N) - + jemput* → **men-***jemput* → *menjemput*  
 (b) *pe(N) - + jemput* → **pen-***jemput* → *penjemput*
- [32] (a) *me(N) - + jodoh-kan* → **men-***jodohkan* → *menjodohkan*  
 (b) *pe(N) - + jodoh* → **pen-***jodoh* → *penjodoh*


Konsonan letusan tak-bersuara *c* /tʃ/ tidak disenaraikan pada jadual utama konsonan IPA (lihat Jadual 3) kerana bunyi ini diartikulasikan secara gandaan (*double articulation*). Maksudnya, bunyi ini terbentuk daripada konsonan letupan /t/ yang diikuti oleh konsonan geseran /ʃ/. Hal ini masih tidak disedari dalam sesetengah kajian bahasa rumpun Melayu sejak tahun 1970-an hingga abad ke-21 sekarang. Chong Shin (ed.) (2019) merupakan salah satu karya yang memperlihatkan kesalahfahaman yang demikian: kata *cari* \*[cari] tetapi [tʃari]. Begitu juga dengan pasangannya yang bersuara: *jari* \*[jari] tetapi [dʒari]. Kedua-dua fonem ini juga mempunyai variasi alofon, iaitu *c* /tʃ/: [tʃ] ~ [tɕ] dan *j* /dʒ/: [dʒ] ~ [dʒ̥] dalam bahasa Melayu.

Satu hal yang perlu dipertimbangkan dalam bahagian ini ialah penggunaan kata serapan daripada bahasa Arab-Parsi yang bermula dengan konsonan tak-bersuara *kh-* /x-/ dan *sy-* /ʃ-/ serta konsonan bersuara *z-* /z-/. Ketiga-tiga bunyi ini sudah sebari dengan bahasa Melayu pada zaman sekarang. Namun begitu, proses penerbitan kata yang mengandungi tiga konsonan ini masih memerlukan penelitian yang mendalam.

Gambar akustik pada Rajah 8 menunjukkan bahawa konsonan nasal *n* /n/ memperlihatkan sifat vokal bersuara pada surihan gegaran gelombang bunyi yang rendah dan surihan penyuaran bunyi yang tinggi. Bunyi letusan *c* /tʃ/: [tʃ] ~ [tɕ] pula memperlihatkan sifat konsonan tak-bersuara pada surihan gegaran gelombang bunyi yang tinggi dan surihan penyuaran bunyi yang rendah.



Rajah 8 Kata *mencintai* (< cinta): [mənʃintai] ~ [mənʔintai].



Rajah 9 Pertembungan konsonan *nc* [nʃ].

Pola kehadiran konsonan letusan tak-beruara *c* /tʃ/: [tʃ] ~ [tʃe] dalam kata *mencintai* [mənʃintai] ~ [mənʃeintai] ini tidak berbeza dengan pola kehadiran konsonan letusan bersuara *j* /dʒ/: [dʒ] ~ [dʒe] dalam kata *menjemput* [mənʒəmpuʔ] ~ [mənʒeəmpuʔ]. Fenomena ini bertentangan dengan pola pasangan konsonan letupan yang dianalisis pada ANALISIS (III). Namun begitu, fenomena kehadiran konsonan tak-beruara *c* /tʃ/ yang tercatat pada Rajah 11 ini sukar diperjelas dari segi prinsip kehematan bahasa.

Pada Rajah 9 dilakarkan pertembungan konsonan nasal bersuara *n* [n] dengan konsonan letusan tak-beruara *c* /tʃ/. Saluran suara tertutup terus pada masa artikulasi *nc* [nʃ], tetapi glotis yang tertutup pada masa artikulasi konsonan *n* [n] itu akan terbuka pada masa artikulasi konsonan *c* [tʃ], sehingga pita suara hampir tidak bergetar (lihat surihan kitaran asas F0 dalam Rajah 11). Maksudnya, proses fonasinya berubah di sempadan dua morfem.


Dalam pada itu, bahasa Indonesia yang terpengaruh oleh bahasa Sunda (di Jawa Barat), misalnya, memperlihatkan satu pola yang khas pada pola pertembungan awalan *me(N)-* dengan konsonan letusan tak-beruara *c* /tʃ/: [tʃ] ~ [tʃe] yang hadir pada awal kata dasar. Maksudnya, konsonan *c* /tʃ/: [tʃ] ~ [tʃe] digugurkan selepas konsonan nasal *ny-* /ni-/. Seseengah penutur juga menggugurkan unsur awal *me-* /mə-/, dan konsonan nasal *ny-* /ni-/ sahaja yang diwujudkan dalam variasi awalan. Akhirnya *-in* (pengaruh dialek Jakarta) yang merangkumi fungsi akhiran *-i* dan *-kan* juga dapat muncul bersama-sama dalam contoh berkenaan:

- [33] me(N)- + cinta-i → meny- + (c)intai → menyintai
- [34] me(N)- + cebok-i → (me)ny- + (c)ebokin → nyebokin
- [35] me(N)- + cari-in → (me)ny- + (c)ariin → nyariin
- [36] me(N)- + coba-in → (me)ny- + (c)obain → nyobain
- [37] me(N)- + cuci → (me)ny- + (c)uci → nyuci<sup>9</sup>
- [38] me(N)- + cerita-in → (me)ny- + (c)eritain → nyeritain


Pola pengguguran *ny(c) /n<sup>i</sup>(t)f/* dalam proses penerbitan kata berlaku secara nyata dalam dialek bahasa Indonesia di Jawa Barat (lihat Rajah 10). Cara artikulasi yang demikian tidak mendapat halangan dari segi fisiologi.

Fenomena pertembungan bunyi nasal *ny /n<sup>i</sup>* dengan konsonan *c /tʃ/*: [tʃ] ~ [tɕ] ternyata teratur dalam dialek bahasa Indonesia di Jawa Barat dari segi fonasi. Hal ini dilakarkan dalam Rajah 11, dan cara artikulasi yang demikian tidak mendapat halangan dari segi fisiologi.

Kita sebaik-baiknya berpegang pada sikap Teoh Boon Seong terhadap kajian bahasa: “*Sebagai ahli bahasa (linguis) kita seharusnya menjelaskan sesuatu fenomena (bahasa dalam hal ini) seperti adanya dan bukan seperti seharusnya atau sepatutnya*” (2000, p. 108). Tambahan lagi, bahasa Melayu dan bahasa Sunda yang dirakamkan dalam bentuk tulisan mempunyai sejarahnya masing-masing yang tidak dapat dinafikan.



**Rajah 10** Dialek bahasa Indonesia (di Jawa Barat): kata *menyintai* (< cinta) [mən<sup>i</sup>intai].



Rajah 11 Pertembungan dua konsonan *ny(c)* [n<sup>j</sup>(tʃ)].

**ANALISIS (V): Awalan *me(N)*- Bertembung dengan Vokal**

Fakta bahasa Melayu standard mengatakan bahawa hanya bentuk variasi *meng-* /məŋ-/ dan *peng-* /pəŋ-/ sahaja yang dapat bertembung dengan kata dasar yang bermula dengan vokal (lihat Jadual 3). Hal yang serupa dapat dilihat pada pertembungan awalan ini dengan konsonan geseran bahasa Melayu *h* /h/: [h] ~ [fi] yang hadir pada awal kata dasar (lihat ANALISIS [VI]).

- [39] (a) *me(N)*- + *ikat* → **meng-ikat** → mengikat
- (b) *pe(N)*- + *iklan* → **peng-iklan** → pengiklan
- [40] (a) *me(N)*- + *eja* → **meng-eja** → mengeja
- (b) *pe(N)*- + *edar* → **peng-edar** → pengedar
- [41] (a) *me(N)*- + *asuh* → **meng-asuh** → mengasuh
- (b) *pe(N)*- + *angkut* → **peng-angkut** → pengangkut

[42] (a)me(N)-	+ olah	→ meng-olah	→ mengolah
[43] (a)me(N)-	+ ukur	→ meng-ukur	→ mengukur
	(b)pe(N)-	+ urus	→ peng-urus
[44] (a)me(N)-	+ erti	→ meng-erti	→ mengerti
	(b)pe(N)-	+ erat	→ peng-erat

Sesetengah pengkaji bahasa Melayu yang terlatih dengan kaedah generatif menggunakan bentuk *meng-* {məŋ-} dan *peng-* {pəŋ-} sebagai morfem dasar awalan ini, lalu dianggap bahawa morfonem /-ŋ/ itu digeneratifkan apabila bertembung dengan bunyi yang hadir pada awal kata dasar. Secara logiknya, apa-apa pun bentuk variasi dapat dipilih sebagai morfem dasar awalan, iaitu *mem-* /məm-/ , *men-* /məŋ-/ , *meng-* /məŋ-/ atau *meny-* /məni-/ . Namun begitu, bunyi nasal *ng* /ŋ/ dalam awalan ini tidak memperlihatkan sebarang ciri asimilasi dengan vokal awal kata dasar dari segi artikulasi. Oleh hal yang demikian, bentuk *meng-* {məŋ-} /məŋ-/ dan *peng-* {pəŋ-} /pəŋ-/ , menurut fahaman aliran generatif, dianggap sebagai morfem dasar awalan yang bergabung dengan vokal yang hadir di awal kata dasar.

Sesetengah pengkaji mengatakan bahawa kata yang bermula dengan vokal sebenarnya didahului oleh konsonan hentian glotis [ʔ]. Namun begitu, hal ini berlaku apabila dalam sesuatu perkataan diujarkan secara berasingan di luar konteks pertuturan. Menurut seorang rakan dari Brunei, sebuah dialek bahasa Melayu di Sarawak menggunakan bentuk awalan *me-* {mə-} /mə-/ dan *pe-* {pə-} /pə-/ (tanpa bunyi nasal) sahaja untuk diimbuhkan kepada kata dasar.

#### **ANALISIS (VI): Awalan *me(N)-* Bertembung dengan Konsonan Geseran *h* /h/**

Fenomena pengimbuhan awalan *me(N)-* dan *pe(N)-* yang serupa halnya dengan konsonan letusan tak-bersuara *c* /tʃ/: [tʃ] ~ [tʃ̥] (ANALISIS [IV]) dapat dilihat dalam hal konsonan *h* /h/: [h] ~ [h̥] yang hadir pada awal kata dasar. Maksudnya, bunyi awal *h* /h/ dikekalkan dalam kata terbitan bahasa Melayu standard. Namun begitu, morfonem bunyi nasal *-ng* /-ŋ/ dalam awalan *meng-* /məŋ-/ dan *peng-* /pəŋ-/ tidak berkongsi daerah artikulasi dengan bunyi *h* /h/ , dan tidak juga memperlihatkan asimilasinya. Bunyi nasal *-ng* mungkin juga diartikulasikan sebagai bunyi anak tekak [-N]. Hal ini perlu dikaji dengan lebih teliti lagi.

Ditekankan sekali lagi bahawa konsonan geseran *h* /*h*/ tidak digugurkan di sempadan pertembungan dua morfem, dan konsonan geseran ini juga tergolong di dalam barisan yang sama dengan enam vokal dalam Jadual 3.

[45] (a) me(N)-	+ hidup-kan	→ meng- <b>hidup</b> kan	→ menghidupkan
(b)pe(N)-	+ hisap	→ peng- <b>hisap</b>	→ penghisap
[46] (a)me(N)-	+ heboh-kan	→ meng- <b>heboh</b> kan	→ menghebohkan
(b)pe(N)-	+ heret	→ peng- <b>heret</b>	→ pengheret
[47] (a)me(N)-	+ hanyut-kan	→ meng- <b>hanyut</b> kan	→ menghanyutkan
(b)pe(N)-	+ hancur	→ peng- <b>hancur</b>	→ penghancur
[48] (a)me(N)-	+ hormat-i	→ meng- <b>hormat</b> i	→ menghormati
(b)pe(N)-	+ hormat	→ peng- <b>hormat</b>	→ penghormat
[49] (a)me(N)-	+ hujan-i	→ meng- <b>hujan</b> i	→ menghujani
(b)pe(N)-	+ huni	→ peng- <b>huni</b>	→ penghuni
[50] (a)me(N)-	+ henti-kan	→ meng- <b>henti</b> kan	→ menghentikan
(b)pe(N)-	+ hembus	→ peng- <b>hembus</b>	→ penghembus


Grafem bahasa Melayu < *h* > sudah lama mengehadkan penilaian bunyi ini dari segi penglihatan, iaitu nilai bunyinya disamakan dengan konsonan geseran tak-bersuara *h* [h] sahaja. Bahasa Melayu sebenarnya mempunyai pasangan bunyinya yang bersuara, iaitu konsonan geseran bersuara *h* [h̥], dan kehadiran bunyi ini dapat dipastikan dari segi akustik. Namun begitu, fonem konsonan *h* /*h*/: alofon [h] ~ [h̥] ini tidak berfungsi untuk membezakan makna kata dalam bahasa Melayu. Perbezaan alofon ini bergantung pada sebutan individu masing-masing sahaja.

Dari segi fonetik artikulasi, konsonan geseran *h* /*h*/ ini sukar dibezakan daripada vokal kerana konsonan ini diartikulasikan di bahagian glotis sahaja dan tidak mempunyai daerah artikulasinya pada bahagian glotis ke atas.

Bunyi geseran tak-bersuara [h], berbeza dengan konsonan-konsonan lain, tidak mempunyai daerah artikulasi supraglotal (di bahagian glotis ke atas). Maksudnya, artikulasinya tidak dibuat di sepanjang saluran suara, kecuali di glotis. Oleh yang demikian, kedudukan alat artikulasi bagi konsonan tak-bersuara [h] hampir sama dengan vokal yang mengikutinya. Ini bermakna bahawa bunyi [h] juga dapat dianggap bersamaan dengan vokal yang mengikutinya, dalam erti kata bahawa bunyi tak-bersuara [h] melambangkan vokal tak-bersuara [ . ] yang menyalin vokal yang mengikutinya.

(Sato, 2002, p. 82)






**Rajah 12** Konsonan geseran tak-bersuara *h* [h] dalam kata *menghabiskan* [məŋhabiskan].

Hal yang tersebut dalam petikan ini perlu diteliti semula melalui eksperimen akustik. Perbezaan akustik antara konsonan geseran *h* /h/ dengan vokal dapat dilihat pada gambar spektrogram (lihat Rajah 12 dan 13) yang memperlihatkan contoh fonem bahasa Melayu *h* /h/: [h] ~ [ɦ] ~ [ ̤ ] (lambang vokal tak-bersuara).

Rajah 12 menunjukkan ciri konsonan geseran tak-bersuara *h* [h] pada surihan gegaran gelombang bunyi yang tinggi dan surihan penyuaaran bunyi yang rendah. Surihan kitaran asas F0 yang terputus juga menandakan bahawa getaran pita suara tidak tercatat pada masa artikulasi konsonan ini.

Corak jalur formant konsonan tak-bersuara *h* [h] dalam spektrogram adalah serupa dengan corak jalur formant vokal bersuara *a* [a] yang mengikutinya, kecuali konsonan tak-bersuara *h* [h] tidak mempunyai bar suara (*voice bar*) di bawah F1. Dapatkah jalur formant konsonan *h* [h] yang demikian dianggap sebagai salinan tak-bersuara [̤] daripada vokal bersuara *a* [a] yang mengikutinya? Maksudnya, dapatkah konsonan *h* [h] yang demikian dikatakan memperlihatkan sifat vokal semu pada gambar akustik? Ciri jalur formant konsonan *h* [h] yang demikian diertikan oleh sesetengah pengkaji sebagai bukti vokal tak-bersuara *h* [̤]: kata *menghabiskan* [məŋ̤abiskan].

Rajah 13 menunjukkan ciri konsonan geseran bersuara *h* [ɦ] pada surihan gegaran gelombang bunyi dan surihan penyuaaran bunyi yang menengah tingginya. Namun begitu, surihan kitaran asas F0 tidak tercatat pada masa artikulasi konsonan ini. Dapatkah ciri jalur formant *h* [ɦ] ini



Rajah 13 Konsonan geseran bersuara *h* [ɦ] dalam kata *menghujan* [məŋɦudʒan].

dianggap sebagai bukti salinan vokal bersuara *u* [u]? Maksudnya, konsonan *h* [ɦ] memperlihatkan sifat vokal semu pada gambar akustik?

Melalui analisis data rakaman yang diperolehi daripada subjek eksperimen ini didapati bahawa tiap-tiap individu mengartikulasikan sebutan *h* /h/: [h] ~ [ɦ] ~ [◌] (lambang vokal tak-bersuara) yang berbeza-beza setiap kali mereka mengujarkannya kata yang mengandungi bunyi *h* /h/. Maksudnya, seorang penutur yang sama juga mengartikulasikan bunyi *h* yang berbeza-beza dalam data rakaman pertuturan, tetapi perbezaan sebutan itu tidak berfungsi untuk membezakan makna kata.

Berhubung dengan kaedah pengimbuhan awalan *me(N)*- atau *pe(N)*- yang diikuti oleh konsonan geseran (lihat Rajah 5[a] dan 5[b]), nilai fonetik akustik terhadap bunyi *h* /h/: [h] ~ [ɦ] ~ [◌] (lambang vokal tak-bersuara) yang tersebut dapat disimpulkan:

- (a) Bentuk variasi *meng-* /məŋ-/ dan *peng-* /pəŋ-/ diimbuhkan pada kata dasar yang bermula dengan konsonan geseran tak-bersuara *h* [h] walaupun cara fonasi kombinasi dua bunyi *ngh* [ŋh] itu tidak menjimatkan tenaga dari segi prinsip kehematan bahasa: kata *menghabiskan* [məŋɦabiskan].
- (b) Bentuk variasi *meng-* /məŋ-/ dan *peng-* /pəŋ-/ memang sesuai diimbuhkan pada kata dasar yang bermula dengan konsonan geseran bersuara *h* [ɦ] yang bersifat vokal semu kerana cara fonasi kombinasi dua bunyi *ngh* [ŋɦ] ini menuruti prinsip kehematan bahasa: kata *menghujan* [məŋɦudʒan].

- (c) Bentuk variasi *meng-* /məŋ-/ dan *peng-* /pəŋ-/ diimbuhkan pada kata dasar yang bermula dengan vokal tak-bersuara *h* [ ʰ ] (vokal yang dinyahsuarkan): kata *menghidap* (= *mengidap*) [məŋjiidapʰ], *menghisap* (= *mengisap*) [məŋjisapʰ], dan *menghitam* (= *itam*) [məŋjitam].

Dalam pada itu, kajian Hollander (1882, p. 54) yang diterbitkan pada abad ke-19 mencatatkan satu dialek bahasa Melayu (di Sumatera) yang menggunakan awalan bentuk *me-* (tanpa konsonan nasal) yang bertembung dengan bunyi *h* /h/ yang hadir pada awal kata dasar: kata *mehimpun*. Contoh ini mendedahkan pertembungan dua bunyi, iaitu “vokal /ə/ + /h/” yang dipersoalkan dari segi asimilasi daerah artikulasinya (*lihat* ANALISIS [V]).

Seandainya bentuk variasi *me-* atau *pe-* (tanpa bunyi nasal) pernah bertembung dengan konsonan *h* /h/ secara dominan dalam bahasa Melayu pada zaman dahulu, hal ini akan menguatkan satu hipotesis bahawa kelahiran bentuk variasi *meng-* atau *peng-* (bersama dengan bunyi nasal) telah dipengaruhi oleh sekumpulan konsonan geseran bersuara *h* [ɦ] dan

**Jadual 5** Konsonan *h* /h/ diandaikan mendekati sifat vokal semu.

Variasi Awalan <i>me(N)-</i> dan <i>pe(N)-</i>		
	<i>me-</i> <i>pe-</i>	<i>meng-</i> <i>peng-</i>
Kata dasar bermula dengan	m-	a-
	n-	e- < é, è >
	ng-	e- < ë >
	ny-	i-
		o-
		u-
	h-	h-
	kh-	

vokal tak-bersuara *h* [ ̤ ] (vokal yang dinyahsuarakan) yang dianggap mendekati “sifat vokal semu” sahaja, seperti yang dilakarkan pada Jadual 5. Hipotesis mengenai sifat bunyi *h* /h/ ternyata bertindak secara terbalik dengan sifat bunyi /l, r, w, j/ yang dibincangkan pada bahagian ANALISIS (II).

Persoalan tentang konsonan geseran langit-lembut *kh* /x/ yang terserap daripada bahasa Arab-Parsi memerlukan penelitian yang lebih mendalam lagi, dan bunyi ini tidak akan disentuh dalam perbincangan artikel ini.

### ANALISIS (VII): Awalan baharu *menge-* dan *penge-*

Awalan *menge-*, *penge-* dan variasi apitannya tidak disenaraikan dalam Jadual 3. Pengkaji bahasa Melayu rata-rata mengulangi keterangan yang serupa, berhubung dengan kaedah pengimbuhan awalan berkenaan: “Imbuhan *menge-*, *penge-* dan variasi apitannya digunakan bersama kata dasar yang bersuku kata tunggal (ekasuku kata) sahaja dalam bahasa Melayu standard (termasuk bahasa Indonesia), seperti kata-kata *mengecat*, *mengelap*, dan *mengepam*”.

Para pengguna bahasa Melayu perlu memperhatikan dua jenis proses penerbitan kata yang berimbuhan *menge-* atau *penge-* yang serupa dari segi bentuk luar ejaannya tetapi berlainan makna tatabahasanya:

- (v) di- + bom → *dibom*,  
     *menge-* + bom → *mengebom* [Awalan *menge-*]
- (vi) di- + ke + bumi + -kan (kebumikan > bumi)  
     → *dikebumikan* [Awalan *di-* dan apitan *ke-/-kan*]  
     *me(N)-* + ke + bumi + -kan (kebumikan > bumi)  
     → *meng-* + (k)e + bumi + -kan,  
     → *mengebumikan* [Awalan *me(N)-* dan apitan *ke-/-kan*]

Awalan *di-* dan *menge-* dalam pola (v) dilapiskan secara langsung kepada kata dasar *bom*. Sebaliknya, proses penerbitan kata dalam pola (vi) mengalami pengimbuhan berlapis. KN *bumi* yang merupakan kata dasar primer diberi apitan *ke-/-kan* sehingga membentuk kata dasar sekunder *kebumikan* pada peringkat pertama. Pada peringkat kedua awalan *me(N)-* yang diwujudkan dalam bentuk variasi *meng-* /mən-/ bertembung dengan konsonan langit-lembut tak-bersuara *k-* /k-/ yang hadir di awal kata dasar sekunder sehingga membentuk kata terbitan *mengebumikan* (< meng-(k)ebumikan).

Kata terbitan yang diberi awalan *menge-*, *penge-* dan variasi apitannya, setahu kami, tidak terdapat dalam kamus yang diterbitkan sebelum zaman Perang Dunia Kedua. Selepas zaman ini pula, awalan *me(N)-*, *pe(N)-* dan variasi apitannya masih dilapiskan secara langsung kepada kata dasar yang bersuku kata tunggal (ekasuku kata) dalam *Kamus Moderen Bahasa Indonesia* (circa 1951, susunan Sutan Mohammad Zain) dan *Kamus Umum Bahasa Indonesia* (1952 & 1961, susunan Poerwadarminta) yang diterbitkan di Indonesia tidak lama selepas Perang Dunia Kedua:



- bom > **membom, pembom, pemboman,**
- cap > **mencap, mencapkan, pencapan,**
- cat > **mencat, pencatan,**
- lap > **melap,**
- pos > **memposkan,**
- sah > **mensahkan, pensahan**

Perkembangan baharu bentuk imbuhan yang berkenaan baru muncul dalam kamus yang diterbitkan di Indonesia dan Malaysia mulai tahun 1970-an, iaitu awalan *menge-* dan *penge-* serta apitan *penge-/an*:

- bom > **mengebom, pengebom, pengeboman,**
- cap > **mengecap, mengecapan, pengcapan,**
- cat > **mengecat, pengecat, pengcatan,**
- lap > **mengelas, mengelas, pengelas, pengelasan,**
- pos > **mengepos, mengeposkan, pengeposan,**
- sah > **mengesahkan, pengesah, pengesahan.**

Sementara itu, pengkaji menemui satu kata terbitan yang berapitan *penge-/an*, iaitu kata *pengeboman* (< *penge-* + *bom* + *-an*) dalam sebuah teks pembelajaran bahasa Melayu (Indonesia) 『最新マライ語時文指針』 (1944, *Saishin Malai-go Jibun Shishin*) yang diusahakan oleh seorang pengkaji, Prof. Uehara Kunzo yang berkhidmat dengan Tentera Darat Diraja Jepun.

Dalam pada itu, sebuah iklan yang menarik dari segi bahasa telah diposkan kepada penulis secara peribadi oleh seorang rakan dari kota Bandung, Jawa Barat, Republik Indonesia pada tahun 2019 (lihat Rajah 20). Iklan ini memperkenalkan dua kata terbitan *ngopi* (< *kopi*) dan *ngerokok* (< *rokok*) yang digunakan dalam bahasa Sunda dan juga dalam dialek bahasa Indonesia di Jawa Barat.



batasi penerangan atau mengadakan samar-samaran (camouflage) boeat mengaboiei mata moesoeh d.l.l., melengkapkan pelbagai persiapan dan djika soedah menerima **pengeboman** pesawat moesoeh, laloe bekerdjia oentoeck mentjegah kebakaran, memberi pertolongan kepada orang-orang jang loeka, memperbaiki bangoenan-bangoenan, djalanan dan djembatan jang diroesakkan.

Rajah 14 『最新マライ語時文指針』 (1944, p. 165).



ngopi saja di Bandung, ngerokok cuma bakar uang

Rajah 15 Kata terbitan ngopi & ngerokok.<sup>10</sup>

Proses penerbitan kata *ngopi* (< me(N)- + kopi) dalam iklan ini, misalnya, masih dapat dihuraikan dari sudut pandang bahasa Melayu, iaitu hasil pengguguran unsur awal *me-*, iaitu:

- me(N)- + kopi → meng- + (k)opi → mengopi → **ngopi**  
(unsur *me-* digugurkan)

Begitu juga dengan contoh yang serupa bentuk awalnya:

- me(N)- + batik → mem-+ batik → membatik → **mbatik**  
(unsur *me-* digugurkan)
- me(N)- + tanya + -kan → men- + (t)anya + -kan → menanyakan  
▪ → **nanyakan** (unsur *me-* digugurkan)
- me(N)- + sate + -kan → meny- + (s)ate + -kan → menyatekan  
▪ → **nyatekan** (unsur *me-* digugurkan)

Namun begitu, awalan *nge-* dalam kata *ngerokok* (< rokok) dalam iklan ini tidak dapat diperjelas dari segi variasi awalan bahasa Melayu *me(N)-*. Badings dalam kamus *Maleisch Woordenboek* (1913, pp. 329-330) menyenaraikan kata terbitan berawalan *nge-* ini bersama dengan terjemahan bahasa Belanda pada awal abad ke-20. Kata dasar yang diberikan dalam tanda kurung (< ) di bawah disertakan bagi memperjelas hubungan antara awalan *nge-* dengan kata dasar:

- **ngebel** (< bel), (**me-**) *bellen, opbellen.*
- **ngebor** (< bor), (**me-**) *boren, uitboren, doorboren.*
- **ngelap** (< lap), (**me-**) *met een lap of doek afvegen, aflappen.*
- **ngelim** (< lim), (**me-**) *lijmen, vastlijmen.*
- **ngepal** (< pal), (**me-**) *laveeren (= berpall-pal)*
- **ngepel** (< pel), (**me-**) *dweilen, opdweilen, met een dweil opnemen.*
- **ngerem** (< rem), (**me-**) *remmen.*
- **ngecap** (< cap), (**me-**) *stempelen, drukken, zegelen, verzegelen.*
- **ngecat** (< cat), (**me-**) *verven, kleuren, schilderen.*
- **ngetip** (< tip), (**me-**) *steken (van muggen).*

Rupa-rupanya Badings menghubungkan bentuk *nge-* dengan bentuk *menge-*. Hal ini jelas daripada catatan (**me-**) yang diberikan oleh beliau sendiri dalam senarai kata terbitan tersebut.

Awalan *nge-* ini tidak diiktiraf sebagai awalan bahasa Melayu standard. Kemungkinan besar bentuk variasi awalan *nge-* yang digunakan

dalam iklan Rajah 17 di Jawa Barat ini merupakan hasil pengaruh daripada bahasa Sunda, dan fungsi *nge-* < *nge(N)-* ini ternyata berpadanan dengan awalan bahasa Melayu *me-* < *me(N)-*.<sup>11</sup> Bunyi nasal (*N*) ini bervariasi seperti yang berikut:

**nge(N)-:** nge-, ngem-, ngen-, ngeng-, ngeny-.

**me(N)-:** me-, mem-, men-, meng-, meny-

Rajah 16 *nge(N)-* berpadanan dengan *me(N)-*.



**Ngopi Di Rumah**

Cappuccino      Kopi Susu      Coffee Caramel

Tempatnya asyikkkk#Tenang #NgeNgopi hilangin suntuk datang aja ke Mokka Coffee Cabana..., ... kumpulan para dewa dewi ... #Ngebakso #Ngecireng #Ngeroti #Ngemie #NgeNgopi #Nge'es –  
Grab Food Jakarta

Rajah 17 Kata terbitan berawalan *nge(N)-*.<sup>12</sup>

Kata terbitan berawalan *nge(N)-* atau variasi apitannya yang terdapat dalam iklan Rajah 17 disenaraikan bersama-sama contoh lain yang serupa:

- **ngembaca** (< baca)
- **ngebakso** atau **ngembakso** (< bakso)
- **ngecireng** (< cireng)
- **ngelihat** (< lihat)



- **ngemie** (< mie)
- **ngengopi** (< kopi)
- **ngenyapu** (< sapu)
- **ngenulis** (< tulis)
- **ngerokok** (< rokok)
- **ngeroti** (< roti)
- **nge'es** (< es)
- **ngewajibkan** (< wajib + -kan)

Unsur *nge-* dalam awalan bahasa Sunda *nge(N)-* ini dapat dikatakan berpadanan dengan unsur *me-* dalam awalan bahasa Melayu *me(N)-*. Berhubung dengan awalan *nge(N)-* ini, satu hipotesis untuk menghasilkan awalan bahasa Melayu *menge-*, *penge-* dan apitannya akan dikemukakan pada contoh [51] – [54] dan Rajah 18:

- [51] 10 November '45: mengapa Inggris **membom** Surabaya? : analisis latar belakang agresi militer Inggris.  
(19 Feb 2019. <https://search.library.wisc.edu/catalog/ocm48500927>)
- [52] Giliran ada yang **ngembom**, ada korban, bilang pengalihan isu. GOBLOG kan?  
(19 Feb 2019. <https://www.google.com/search?source=hp&ei=>)

<b>nge(N)-</b> : nge-, ngem-, ngen-, ngeng-, ngeny- <b>me(N)-</b> : me-, mem-, men-, meng-, meny-.			
<b>nge(N)-</b> : ngengopi (< kopi) ngeng-lihat (< lihat) ngem-bom (< bom)	<b>me(N)-</b> : (me)ngopi (< kopi) meng-lihat (< lihat) mem-bom (< bom)		
Perkembangan baharu: <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="padding: 2px;"><b>nge-</b>: nge- 'es nge- bakso nge- mie nge- lihat nge- roti nge- rokok</td> <td style="padding: 2px; vertical-align: top;"> <b>me-</b>:            me- lihat (&lt; lihat)            me- rokok (&lt; rokok)            me- wakil (&lt; wakil)            me- yakinkan (&lt; yakin)         </td> </tr> </table>		<b>nge-</b> : nge- 'es nge- bakso nge- mie nge- lihat nge- roti nge- rokok	<b>me-</b> : me- lihat (< lihat) me- rokok (< rokok) me- wakil (< wakil) me- yakinkan (< yakin)
<b>nge-</b> : nge- 'es nge- bakso nge- mie nge- lihat nge- roti nge- rokok	<b>me-</b> : me- lihat (< lihat) me- rokok (< rokok) me- wakil (< wakil) me- yakinkan (< yakin)		
B. Sunda : <b>ngembom</b> > <b>ngebom</b> (< bom) B. Melayu: <b>membom</b> > <b>me-ngebom</b> (< bom)			

**Rajah 18** Awalan *nge(N)-* melahirkan *menge-*.

- [53] Teknik ‘**ngebom**’ merupakan salah satu strategi marketing untuk menaikkan nilai pasar film di mata publik.  
(15 Okt 2018. <https://www.wowkeren.com/berita/tampil/00228070.html>)
- [54] Tindakan seorang lelaki menyimpan beberapa alat disyaki digunakan untuk aktiviti **mengebom** ikan mengundang padah ...  
(1 Nov 2018. <https://www.bharian.com.my/.../lelaki-simpan-alat-mengebom-ikan>)

Bentuk variasi *menge-* dapat dihipotesiskan terhasil daripada variasi awalan *nge(N)-* melalui proses yang berikut:

kata *membom* (< bom)  
= *ngembom* (< bom) > *ngebom* > *me-ngebom* = *mengebom* (< bom)

**Rajah 19** Kelahiran awalan *menge-*.

Penambahan unsur *me-* pada awalan *nge(N)-* rupa-rupanya berlebihan dalam bahasa Melayu kerana fungsi *nge-* sendiri sudah berpadanan dengan fungsi *me-*, iaitu kata *me-nge-bom* = \**me-me-bom*. Demikian, awalan bahasa Melayu *menge-* (< me+nge-) ini sepatutnya diasingkan daripada bentuk variasi *meng-* (< me(N)-) yang disenaraikan pada Jadual 3. Begitu juga awalan *penge-* dan apitan *penge-/-an* dapat diterangkan mengikut proses penerbitan yang serupa dengan awalan *menge-*.

## KESIMPULAN

Artikel ini memfokuskan fenomena pengimbuhan awalan *me(N)-* atau *pe(N)-* pada kata dasar dalam bahasa Melayu standard dari segi fisiologi dan analisis fonetik akustik berkomputer. Sesetengah pengkaji menggunakan idea “pilihan yang sedia ada” untuk memilih bentuk variasi awalan tersebut, dan sesetengah pengkaji yang lain pula menggunakan idea “rumus generatif” bagi menggeneratiskan morfonem *-ng /-ŋ/*.

Walaupun terdapat perbezaan idea antara pengkaji bahasa, beberapa soalan yang belum terjawab oleh pengkaji bahasa Melayu secara saintifik telah didedahkan dalam artikel ini, dan sebahagian soalan itu dapat dijawab dalam bentuk hipotesis (lihat ANALISIS [I] – [VI]). Analisis

fonetik akustik berkomputer mendedahkan satu hasil kajian bahawa rumus generatif dalam tema kajian ini tidak dapat dibuktikan kesahihannya dari segi eksperimen fizik.

Di samping itu, satu idea kelahiran awalan *menge-*, *penge-* dan variasi apitannya yang bertembung dengan kata dasar itu dihipotesiskan berdasarkan idea pengaruh bahasa Sunda (*lihat* ANALISIS [VII]).

## NOTA

- 1 *Sound Filing System* (SFS), Department of Speech, Hearing and Phonetic Sciences, University College London, Britain. Wavesurfer (WS), School of Computer Science and Communication, KTH Royal Institute of Technology, Stockholm, Sweden.
- 2 Sesetengah pengkaji di rantau Melayu ini masih mendedahkan kesalahfahaman terhadap sistem IPA secara terbuka melalui kuliah, karya bertulis dan pembentangan seminar.
- 3 Grafem *ny* dalam bahasa Melayu sudah lama disalahertikan sebagai bunyi langit-keras [ɲ]. Sato (2015) menganalisis bunyi artikulasi gandaan (palatalisasi) *ny* [ɲ] dalam bahasa Melayu.
- 4 Lihat nota 6.
- 5 Gambar dipetik daripada Malmberg (1970, p.15), dan diterjemahkan kepada bahasa Melayu.
- 6 Gambar keadaan pita suara dan keluasan glotis dipetik daripada Tanaka *et al.* (1988, p. 257), dan diterjemahkan kepada bahasa Melayu.
- 7 Jadual ini dipetik daripada Sato & Manavavee (2018, p. 146).
- 8 Jadual ini dipetik daripada Sato & Manavavee (2018, p. 146).
- 9 Di Jawa Barat, *mencuci* (< cuci) bermakna “membersihkan sesuatu secara umum dengan air dan lain-lain”, manakala *menyuci* atau *nyuci* (< cuci) pula bermakna “membasuh kain baju” secara khusus.
- 10 Kiriman peribadi ini diposkan dari Bandung, Indonesia pada 06 Januari 2019.
- 11 Menurut seorang rakan dari Brunei, beberapa bahasa suku bangsa di Brunei juga menggunakan awalan *nge-* yang serupa fungsinya. Misalnya, (a) bahasa Tutong: *ngelimus* (= menyelimutkan), *ngelimut* (= mengumpat), *ngeriput* (= melaporkan), dan *ngeribos* (= meratah), dan (b) bahasa Murut: *ngelibai* (= mengganti), dan *ngeteb* (= menggigit).
- 12 Kiriman peribadi ini diposkan dari Bandung, Indonesia pada 06 Jan 2019.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2009) *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi Kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badings, A.H.L. (1913). *Maleisch Woordenboek*. Zwolle: W.E.J. Tjeenk Willink.
- Chong Shin (ed.). (2019). *Bahasa Ibanik di Borneo Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hollander, J.J. de. (1882). *Handleiding tot de Beoefening der Maleische Taal en Letterkunde*. 5de verbeterde druk. Breda: Broese & Comp. voor Koninklijke Militaire Academie.
- Koizumi, Tamotsu (小泉保). (1996). 『音声学入門』 (*An Introduction to Phonetics*). Tokyo: Daigakushorin.
- Malmberg, Bertil. (1970). *La Phonetique* (8ème edition). Paris: Presses Universitaires de France.
- Poerwadarminta, W.J.S. (1952, 1961). *Kamus Umum Bahasa Indonesia* (Tjetakan ke-2 dan ke-3). Djakarta: Balai Pustaka.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat. (2002). *Kursus Permulaan Fonetik dan Fonologi* (Edisi ke-2). Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat. (2015). Hipotesis Bunyi Palatalisasi [nj] dan Bunyi Belakang-Gusi [ŋ] dalam Bahasa Melayu: penjelasan fonetik akustik. *Jurnal Bahasa*, 15(2), 267–290. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat & Manavavee Mamah. (2018). Vokal Beraspirat dan Konsonan Bergeminasi h [ʰh] ~ [ʰfi] dalam Proses Penerbitan Kata Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 122–158. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidang editor Dewan Bahasa dan Pustaka. (1984). *Kamus Bahasa Malaysia* (edisi pelajar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sutan Mohammad Zain. (circa 1951). *Kamus Moderen Bahasa Indonesia*. Djakarta: Grafica.
- Tanaka, Harumi *et al.* (田中春美他). (1988). 『現代言語学辞典』 (*Seibido's Dictionary of Linguistics*). Tokyo: Seibido.
- Teoh Boon Seong. (2000). Varian Kata Terbitan Ekasuku Bahasa Melayu Yang Berimbuhan /MENG+/. *Jurnal Pengajian Melayu*, 10. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Uehara, Kunzo (上原訓蔵). (1944). 『最新マライ語時文指針』 (*Saishin Malai-go Jibun Shishin*). Tokyo: Obunsha.
- Winstedt, R.O. (1913). *Malay Grammar*. Oxford: The Clarendon Press.
- Zaharani Ahmad. (1993–1994). Pengimbuhan Awalan *Men-* dengan Kata Dasar Bersukukata Satu: Masalah dan Penyelesaiannya. *Jurnal Persatuan Linguistik Malaysia*, 6, 66–77. Persatuan Linguistik Malaysia.

Diperoleh (*received*): 13 Ogos 2020

Diterima (*accepted*): 24 November 2020